

Praktis 7: Kata Hubung

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sally segera bangun dari tempat tidurnya bila menyedari dia sudah terlambat ke sekolah.

- (ii) Ayah berjanji akan menghadiahkan sebuah komputer jika sekiranya adik comelang dalam peperiksaan.

- (iii) Sufian sering berdoa agar supaya dia dapat membalas jasa ibu bapanya suatu hari nanti.

- (iv) Kismah tidak mahu memaafkan Muriati sebab Muriati telah mencuri rantai emas pemberian ibunya.

- (v) Entah tahun ini dan tahun hadapan majlis perkahwinannya itu akan diadakan kerana wang simpanannya masih belum cukup.

- (vi) "Kalau sekiranya kamu ke pejabat pos, tolong belikan saya sekeping setem 50 sen," kata Leela.

- (vii) Kakak membaca novel lalu berbaring di atas katil.

- (viii) Kakak mengutip sampah di atas lantai sambil membuangnya ke dalam tong sampah.

Praktis 8: Kata Pemer

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. Garis kesalahan tersebut dan tulis jawapannya pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Antara perkara yang diutarakan dalam mesyuarat tahunan sekolah adalah masalah kekurangan guru.

- (ii) Hadiah jam tangan yang diterima oleh Mawar sempena ulang tahun kelahirannya ialah daripada Suhaila.

- (iii) Salah satu punca berlakunya gejala sosial dalam kalangan remaja adalah ibu bapa tidak memberikan perhatian sepenuhnya terhadap anak-anak.

- (iv) Berita bahawa Jamilah akan melanjutkan pelajaran ke luar negara hujung tahun ini ialah benar.

- (v) Keputusan yang telah dibuat oleh Pak Jabit untuk menghantar anaknya ke sekolah berasrama penuh ialah tepat.
